Amanat Pengurusan Risda

Amanat Pengurusan RISDA Tahun 2003

Tema : "Memantapkan Pembangunan Pekebun Kecil"

Mukadimah

1. Alhamdullilah, saya memanjat rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya jua kita dapat bersama-sama pada pagi ini. Seperti tahun-tahun lepas, pada pagi ini saya akan membentangkan Amanat Pengurusan RISDA 2003 yang telah disediakan dengan mengambil kira dasar-dasar Kerajaan, arah tuju RISDA dan berasaskan input dari semua peringkat pengurusan. Amanat ini hendaklah dijadikan sebagai asas dan panduan bagi melaksanakan gerak kerja pembangunan pekebun kecil sepanjang tahun 2003.

Peristiwa 2002

2. Sebelum saya membentangkan Amanat Pengurusan RISDA 2003, izinkan saya mengimbas kembali beberapa peristiwa penting yang berlaku sepanjang tahun 2002 ini :-

i. Gerak kerja tahun 2002 bermula dengan penyampaian Amanat Pengurusan RISDA 2002, pelancaran Perancangan Strategik Pembangunan Pekebun Kecil 2001-2005 dan pelancaran Banci Pekebun Kecil Getah dan Sawit 2002 pada 29 Disember 2001.

ii. Banci Pekebun Kecil 2002 telah dilaksanakan pada 15 Januari hingga 15 Februari, diikuti dengan Mopping-Up Fasa 1 pada 16 Februari hingga 15 Mac dan Mopping-Up Fasa 2 pada 16 Mac hingga 30 Jun 2002.

iii. Kolej RISDA telah mengadakan Majlis Konvokesyen Pertama di Auditorium Sultan Ahmad Shah, Ibu Pejabat pada 30 Januari 2002.

iv. Bahagian Peningkatan Ekonomi telah ditubuhkan pada 1 Februari 2002.

v. Operasi bersama pengangkutan SHDC dengan NARSCO Transport bermula pada 1 Februari 2002.

vi. RISDA telah membentangkan keperluan peruntukan bagi melaksanakan TSGGI dan TSGL bagi tempoh 2002-2005 kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Cara-Cara Bagi Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Komoditi Industri (JKMPPK) Bil. 01/2002 pada 31 Januari 2002. Sungguh pun begitu, sehingga Mesyuarat JKMPPK

Bil. 02/2002 pada 25 November 2002, isu ini masih lagi di peringkat pertimbangan Kerajaan. Sementara menunggu keputusan muktamad Kerajaan, RISDA terpaksa menggunakan sumber dalaman bagi melaksanakan TSGL.

vii. Berikutan paras harga komoditi utama khususnya getah dan sawit yang rendah pada tahun 2000 dan 2001, Kerajaan telah melancarkan 7 Skim Bantuan Khas untuk meringankan beban yang ditanggung oleh pekebun-pekebun kecil. Walau pun RISDA dipertanggungjawabkan secara langsung melaksanakan 2 Skim Bantuan ini tetapi peranan pegawai dan staf RISDA mencakupi semua skim kecuali Skim No. 2.

viii. Setelah beroperasi selama 30 tahun di bawah Akta RISDA 1972 dan Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah Penanaman Semula 1952, senario pekebun kecil dan industri getah serta pembangunan negara telah mengalami pelbagai perubahan. Bagi mengatasi situasi ini dan memenuhi tuntutan semasa, RISDA bersama KPLB bergiat menyediakan Cadangan Perluasan Tugas dan Tanggungjawab RISDA dalam alaf baru.

ix. Selaras dengan perluasan tugas dan tanggungjawab di atas, usaha juga sedang dilakukan untuk meminda dan menambah peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta RISDA 1972 bagi memudahkan RISDA berfungsi mengikut tuntutan semasa.

x. Bagi memastikan RISDA dapat bertindak berdasarkan Perluasan Tugas dan Tanggungjawab dan Pindaan Akta, Pengurusan RISDA telah mengemukakan Cadangan Penyusunan Semula Struktur Organisasi RISDA dan sekarang ini sedang berada di peringkat pertimbangan KPLB dan JPA.

xi. Kerajaan menerima hakikat bahawa pekebun kecil yang rata-ratanya memiliki keluasan tanah yang terhad tidak akan mencapai keselesaan hidup sekiranya menanam semula getah secara mono-crop atau secara individu. Berikutan itu Kerajaan telah meminta RISDA melaksanakan TSGGI setelah model yang sesuai ditemui.

xii. Zon Getah dan Exit Scheme juga merupakan dua konsep yang telah ditimbulkan dan dibincangkan di peringkat RISDA dan KPLB dalam tahun 2002 dalam usaha memantapkan Industri Getah di samping membantu pekebun kecil menjalankan aktiviti yang paling menguntungkan kepada mereka. Kedua-dua konsep ini mempunyai hubungan yang rapat dengan masa depan pekebun kecil dan perbincangan akan diteruskan dalam tahun 2003.

xiii. Sepanjang tahun 2002, RISDA telah memberi penumpuan kepada menyediakan infrastruktur bagi melaksanakan Program Ekonomi Tambahan dan Program Ekonomi Komersial.Proses penyediaan infrastruktur ini terbahagi kepada 4 sektor iaitu :-

a) Sektor Pembekalan Input Perusahaan.

b) Sektor Pengeluaran Produk

c) Sektor Pengumpulan dan Pemasaran Produk.

d) Sektor Pemprosesan Produk.

xiv. Ekspo RISDA 2002 telah diadakan di Kompleks Kota Raya, Johor Baru pada 13 - 16 April 2002.

xv. Sistem Saraan Malaysia (SSM) telah berkuatkuasa mulai 1 November 2002. Seramai 3,859 orang staf telah diberi borang opsyen dan telah memilih untuk menerima tawaran ini.

xvi. Pesta Sukan Kebangsaan RISDA kali ke 12 telah diadakan di UKM, Bangi pada 3 - 5 Mei 2002.

Bajet Pembangunan Tahun 2003

3. Peruntukan pembangunan yang diluluskan Kerajaan bagi tahun 2003 daripada sumber langsung adalah RM121,920,400 dengan pecahan mengikut program berikut :-

Program	Bantuan Langsung (RM)
i. Tanam Semula Bantuan Berturut	50,681,810
ii. T/Semula Getah Ke Getah Integrasi (TSGGI)	38,660,980
iii. Prasarana	13,710,000
iv. Pembangunan Manusia & Institusi (PMI)	5,745,000
v. Pengekalan Pengeluaran Getah (PPG)	10
vi. Kemudahan Pengurusan	1,970,000
vii. Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET)	8,027,000
viii. T/Semula Getah Ke Tanaman Lain (TSGL)	10
ix. Projek Integrasi Tanam Semula Getah (PITG)	3,125,580
x. Tabung LITS Pekebun Kecil	10

4. Peruntukan pembangunan bagi tahun 2003 ini lebih rendah daripada peruntukan pembangunan RM244.80 juta yang diluluskan pada asalnya bagi tahun 2002, kemudian ditambah RM38.48 juta lagi pada penghujung tahun. Sungguh pun begitu, RM45.00 juta daripada peruntukan pembangunan 2002 adalah pinjaman untuk program TSGL dan AET, yang masih tidak digunakan lagi sehingga akhir tahun 2002. Dalam tahun 2003, bajet pembangunan mengandungi 2 program baru iaitu Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) dan Program Integrasi

Tanam Semula Getah (PITG) dalam bentuk bantuan langsung bagi menyokong pelaksanaan Flagship No. 2. Ia juga mengandungi 3 program pembangunan yang diberi token vote iaitu PPG, TSGL dan Tabung LITS Pekebun Kecil sementara menunggu keputusan dasar oleh Kerajaan dalam bidang ini.

5. Sungguh pun peruntukan pembangunan 2003 lebih kecil berbanding tahun 2002 tetapi sebahagian dari keperluan kewangan kita akan ditampung melalui peruntukan Wang Amanah KPLB. Di samping itu, RISDA juga boleh menggunakan pinjaman yang disediakan di bawah RMKe-8 bagi TSGL dan AET apabila perlu.

6. Bagi melicinkan pelaksanaan program pembangunan tahun 2003, tindakan akan diambil seperti berikut:-

i. Matlamat fisikal dan waran peruntukan bagi program-program pembangunan akan dikeluarkan oleh Ibu Pejabat kepada PT-PT pada bulan Januari 2003.

ii. PRN/PRD/PRJ dikehendaki merancang pelaksanaan program/projek supaya semua perbelanjaan dapat diselesaikan pada akhir Oktober 2003.

iii. Mengkaji semula agihan peruntukan kepada PT-PT dalam bulan Julai 2003 dan menyelaraskan agihan mengikut keadaan.

Bajet Mengurus Tahun 2003

7. Kerajaan telah meluluskan peruntukan mengurus kepada RISDA sebanyak RM118.20 juta iaitu seluruh keperluan belanja mengurus kita bagi tahun 2003, berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya di mana Kerajaan hanya meluluskan di antara 70 % - 80 % sahaja daripada keperluan peruntukan mengurus RISDA.

BANCI 2003

8. RISDA telah menjalankan Banci Pekebun Kecil 2002 bagi menentukan bilangan pekebun kecil dan keluasan bagi tanaman getah dan sawit. Selepas tempoh banci utama danmopping-up, bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) yang dibanci ialah 236,170 orang, yang mana 180,149 orang adalah pekebun kecil getah dan sawit. Penemuan Banci ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKMPPK Bil. 02/2002 pada 25 November 2002. Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri yang mempengerusikan mesyuarat telah mempersoalkan mengenai anggaran 66,000 pekebun kecil yang dilaporkan tidak dapat dikesan semasa banci berjalan. Keputusan dibuat supaya RISDA meneruskan proses mopping-up dalam tahun 2003 agar meliputi semua pekebun kecil yang belum dibanci dan di samping itu memasukkan juga maklumat-maklumat

mengenai peneroka FELDA, peserta FELCRA dan Orang Asli dalam pangkalan data pekebun kecil yang dibangunkan.

9. Selain dari itu, KPLB telah melantik RISDA menjadi pengurus Banci Rakyat Termiskin bagi tujuan mengemas kini maklumat mengenai senarai rakyat termiskin yang dianggarkan lebih kurang 120,000 orang di negara ini. Banci ini dijangka akan dijalankan pada awal 2003 dan peranan RISDA adalah mengurus dan menyelaraskan proses pengutipan data di lapangan termasuk melantik dan menyelia pembanci-pembanci. Tanggungjawab menyediakan borang soal selidik dan memproses data banci terletak pada pihak konsultan yang akan dilantik oleh KPLB.

Model Pembangunan Pekebun Kecil (Model Bisnes Strategik RISDA)

10. Pada penghujung RMKe-7 dan awal RMKe-8, pendapatan pekebun kecil getah dan sawit telah terjejas akibat kejatuhan harga kedua-dua komoditi tersebut. Bagi meringankan beban yang ditanggung disamping meningkatkan pendapatan pekebun kecil dalam jangka masa pendek, Kerajaan telah melancarkan 7 Skim Bantuan Khas dalam tahun 2001 dan pelaksanaannya dilanjutkan ke tahun 2002. Bagi jangka masa panjang, Kerajaan menerima hakikat bahawa dengan keluasan hak milik tanah yang terhad, penanaman semula secara mono-crop dan berselerak tidak akan membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil untuk melepasi pendapatan garis kemiskinan. Oleh itu, dalam RMKe-8, Kerajaan membuat keputusan dasar bahawa semua penanaman semula getah bagi kebun-kebun kurang dari 4 hektar hendaklah dilaksanakan sama ada secara berkumpulan atau berintegrasi atau kedua-duanya sekali.

11. Berikutan itu, timbullah istilah-istilah seperti TSGGI, TSGL, Getah ++, AET, PITG, Zon Getah, Exit Scheme dan lain-lain. Istilah-istilah ini bukan dicipta oleh RISDA tetapi diperkenalkan oleh Unit Perancang Ekonomi, JPM untuk dilaksanakan oleh RISDA bagi memenuhi hasrat Kerajaan membela nasib pekebun kecil.

12. Pelaksanaan Projek Ekonomi Tambahan dan Projek Ekonomi Komersial adalah berasaskan empat (4) fasa pembangunan. Dalam tahun 2002, RISDA telah berusaha menyediakan infrastruktur bagi melaksanakan projek Getah ++ di kalangan pekebun kecil dengan menyediakan Pusat-Pusat Pembakaan dan Pembiakan, menyediakan rantaian pemasaran dan pemprosesan hasil-hasil yang dikeluarkan dan tidak kurang pentingnya melatih pegawai dan staf supaya mahir dalam bidang baru yang akan diceburi. Sektor Pembekalan Input Perusahaan.

13. Faktor yang amat penting bagi menentukan kejayaan pelaksanaan projek di bawah Aktiviti Ekonomi Tambahan adalah dari segi pengurusan dan pengawalan sektor yang membekalkan input yang diperlukan dalam sesuatu aktiviti ekonomi berkenaan. Atas kesedaran ini, Pengurusan RISDA telah mengambil daya usaha awal semenjak tahun 2001 lagi dengan mengarahkan anak syarikatnya menubuhkan Pusat Pembakaan dan Pembiakan dalam bidang perusahaan yang ada potensi pasaran seperti berikut :-

i. Kambing Boer.
ii. Ikan Tilapia Merah.
iii. Burung Unta.
iv. Tanaman Landskap.

14. Pusat Pembakaan dan Pembiakan Kambing Boer yang telah ditubuhkan ialah :-

i. Ladang RISDA Kg. Awah, Temerloh, Pahang bagi membekal kambing boer kepada pekebun kecil di negeri Pahang, Selangor dan Negri Sembilan. Pusat ini dijangka akan dapat mengeluarkan 3,500 ekor anak baka kambing boer setahun.
ii. Ladang RISDA Tg. Genting, Sintok, Kedah bagi membekal kambing boer kepada pekebun kecil di negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak. Pusat ini dijangka akan dapat mengeluarkan sebanyak 5,500 ekor anak baka kambing boer setahun.
iii. Kg. Wek, Machang, Kelantan bagi membekalkan kambing boer kepada pekebun kecil di negeri Kelantan dan Terengganu. Pusat ini pula dijangka dapat membekalkan lebih kurang 1,500 ekor anak baka kambing boer setahun.
iv. RISDA sedang berusaha untuk menubuhkan sebuah lagi Pusat Pembakaan dan Pembiakan Kambing Boer di Mersing, Johor pada awal tahun 2003 bagi membekalkan kambing boer kepada pekebun kecil di Johor dan Melaka. Pusat ini juga dijangka dapat mengeluarkan sebanyak 1,500 ekor anak baka kambing boer setahun.

15. Untuk projek Ternakan Ikan Tilapia Merah pula, RISDA melalui RSSB dan RSPSB telah mengorak langkah untuk mengeluarkan sendiri benih ikan yang diperlukan oleh projek-projek yang sedang diusahakan dan juga untuk dibekalkan kepada pekebun kecil yang akan terlibat dengan projek ini pada tahun 2003 nanti, khususnya benih ikan yang 'jantan'. Setakat ini, terdapat 3 tempat yang dikhususkan untuk pengeluaran benih ikan tilapia merah iaitu di Pusat Ternakan Ikan Bukit Sireh, Kelantan; Pusat Asuhan Ikan di Ajil, Terengganu dan Pusat Asuhan Ikan di Kg. Legeh, Kelantan.

16. Burung Unta adalah di antara ternakan yang dikenal pasti oleh MARDI sebagai berdaya maju dan berpotensi untuk diceburi oleh pekebun kecil. Bagi memastikan sumber bekalan anak yang berkualiti, sebuah Pusat Pembakaan dan Pembiakan telah ditubuhkan di Changkat

Sulaiman, Perak pada tahun 2001. Pusat ini mampu mengeluarkan kira-kira 200 ekor anak burung setahun dan pada tahap kematangan puncak dijangka dapat mengeluarkan lebih kurang 900 ekor anak burung setiap tahun.

17. Dua (2) lagi pusat pembakaan yang akan dilaksanakan dalam tahun 2003 ialah Pusat Pembakaan dan Pembiakan Ayam Kampung Kacukan di Ladang RISDA Sekijang, Johor dan Pusat Pembakaan dan Pembiakan Udang Galah di Baling, Kedah.

Sektor Pengeluaran Produk

18. Sektor ini boleh dilaksanakan sama ada oleh pekebun kecil individu, KPK, PWPK atau Anak-Anak Syarikat. Dalam tahun 2002, sektor pengeluaran produk telah dilaksanakan oleh RSPSB seperti berikut :-

i. Ternakan Ikan Tilapia Merah Dalam Sangkar di Tasik Kenyir, Terengganu.
ii. Ternakan Ikan Tilapia Merah Dalam Sangkar di Empangan Pergau, Kelantan.
iii. Ternakan Ikan Siakap Dalam Kepungan di Laguna Setiu, Terengganu.
iv. Ternakan Burung Unta Pedaging di Changkat Sulaiman, Perak.
v. Ternakan Ayam Kampung Kacukan di Sekijang, Johor.

19. RISDA juga telah mengenal pasti satu kawasan di Baling, Kedah yang paling sesuai untuk ternakan udang galah. Projek perintis seluas 10 kolam telah siap dijalankan disamping 10 kolam lagi dalam pembinaan sehingga akhir 2002. Masih terdapat kawasan yang luas dan sesuai di kawasan ini dengan bekalan air bersih dari gunung yang berterusan, Insya Allah, ternakan udang galah ini akan diperbesarkan dalam tahun 2003.

20. Projek-projek yang dijalankan ini akan menjadi asas yang kukuh bagi dilaksanakan oleh pekebun kecil yang berminat dalam tahun 2003. Bagi projek-projek ini, sumber benih yang berkualiti dan berterusan pada masa yang diperlukan adalah menjadi faktor penentu daya maju projek disamping kecekapan penggunaan sumber.

Sektor Pengumpulan & Pemasaran Produk

21. Sektor ini menyediakan tempat untuk mengumpul dan memasarkan produk dari sektor pengeluaran di lapangan secara terancang dan bersistematik. Dua (2) lokasi yang dikenal pasti berpotensi setakat ini ialah:-

i. Pasar Rakyat di Jalan Imbi, Kuala Lumpur.
ii. Silveritage di Medan Gopeng, Ipoh.

Sektor Pemprosesan Produk

22. RISDA juga telah mula menjalankan projek perintis Kilang Memproses Filet di Seberang Takir, Terengganu.

Flagship 1: Pembangunan Tanam Semula Dan Perladangan

23. Tanam Semula adalah aktiviti tunjang RISDA yang perlu dilaksanakan setiap tahun bagi menjamin keutuhan industri getah di negara ini.

24. Tanam Semula (Bantuan Berturut), iaitu bagi kebun-kebun yang telah diluluskan/dibayar sebelum RMKe-8, diteruskan dengan bantuan langsung Kerajaan sepenuhnya hingga habis bantuan. Walau pun sudah keluar dari Skim Tanam Semula, kebun-kebun ini masih perlu dipantau bagi memastikan amalan teknologi dan agronomi yang disyorkan dijalankan oleh pengusaha supaya pengeluaran hasil mencapai tahap atau standard yang ditetapkan.

25. TSGGI sama ada on-farm, off-farm atau kedua-duanya sekali dalam RMKe-8 ditetapkan seluas 20,000 hektar setahun. TSGGI sebagai mono-crop tidak dapat menyumbang kepada perolehan pendapatan yang munasabah untuk mencapai tahap kesejahteraan pekebun kecil. Seiring dengan dasar TSGGI ini, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM3,125,580 di bawah PITG dalam tahun 2003 bertujuan menggalak dan mempercepatkan sambutan dan penerimaan pekebun kecil bagi melaksanakan TSGGI.

26. Pelaksanaan Tanam Semula Komersial (TSK) dan Tanam Semula Berkelompok (TSB) adalah pendekatan yang diutamakan. Selain daripada faedah-faedah ekonomi bidangan, pendekatan ini dapat mengatasi masalah pekebun kecil yang kian meningkat usia dan kurang upaya untuk mengusahakan sendiri kebun mereka.

27. Tanam Semula Individu secara berselerak bagi kebun-kebun yang bersaiz kecil tidak digalakkan. Kebun-kebun seperti ini akan disisih atau disusur keluar melalui Exit Scheme daripada mainstream kawasan getah kepada unit-unit ekonomi yang tidak berasaskan getah semata-mata supaya menjadi lebih produktif dan menguntungkan kepada tuan-tuan tanah.

28. Mesyuarat JKMPPK Bil. 02/2002 pada 25 November 2002 bersetuju dengan perkara-perkara berikut :-

i. Pekebun kecil yang melaksanakan TSGGI diberi bantuan RM7,000 sehektar yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan.

ii. Pekebun kecil yang menyertai TSGL (tidak tertakluk kepada luas kebun getah yang dimiliki) dibayar balik wang ses mereka. Sebagai tambahan, mereka hendaklah memohon pinjaman bagi menampung kos tanam semula.

iii. Pekebun kecil yang memiliki tanah getah 2.5 hektar dan ke bawah dan menyertai TSGL secara berkumpulan dibayar balik wang ses mereka. Pekebun kecil ini juga layak bantuan secara geran di bawah satu skim baru yang berasingan (bukan Skim Tanam Semula) sebagai tambahan ke atas pemulangan wang ses. RISDA menetapkan 20,000 hektar setahun bagi TSGL mulai tahun 2003.

29. Mesyuarat Pihak Berkuasa Kali Ke-170 telah meluluskan cadangan perluasan skop Tanam Semula (Bantuan Berturut) dan TSGGI untuk meliputi Pemulihan Tanam Semula dengan andaian peruntukan bantuan yang disediakan tidak akan digunakan selagi kebun-kebun bermasalah tidak dipulihkan.

30. Standard program tanam semula dan perladangan ditetapkan seperti berikut :-

i. TSGGI seluas 20,000 hektar setahun dengan tumpuan kepada sistem tanaman pepagar;

ii. TSGL secara geran atau pinjaman bergantung kepada keluasan kebun getah yang dimiliki;

iii. Penggunaan 100 peratus LTC bagi getah dan benih D X P bagi sawit,

iv. Pengeluaran hasil dalam tempoh 4 1/2 tahun selepas ditanam bagi getah dan 2 1/2 tahun bagi sawit;

v. Penggunaan LITS dalam kebun getah matang;

vi. Pencapaian hasil kebun getah ke tahap 1,500 kg/hektar setahun dan sawit ke tahap 20 mt /hektar setahun.

vii. Setiap Pusat Tanggungjawab/Daerah hendaklah mewujudkan sekurang-kurangnya satu (1) model contoh TSGGI.

viii. Setiap cawangan RSPSB yang mempunyai projek getah matang hendaklah mengadakan sekurang-kurangnya satu (1) projek contoh LITS.

Flagship 2 : Pembangunan Ekonomi Tambahan

31. Pelaksanaan dalam tahun 2002 lebih tertumpu kepada menyediakan baka/benih di bawah Sektor Pembekalan Input Perusahaan dan mewujudkan saluran/rantaian pemasaran dan pemprosesan. Dengan terwujudnya infrastruktur sokongan ini, projek integrasi di peringkat pekebun kecil di bawah naungan RISDA akan dilaksanakan pada awal 2003.

32. Dalam bajet 2003, RISDA telah diluluskan peruntukan dalam bentuk bantuan langsung bagi 2 program baru iaitu PITG dan AET. Di samping itu, RISDA akan turut menggunakan

pelbagai kemudahan kewangan yang ada di bawah KPLB bagi melaksanakan Projek Ekonomi Tambahan di peringkat pekebun kecil.

33. Projek-projek yang akan dilaksanakan dalam tahun 2003 di peringkat pekebun kecil adalah :-

i. Ternakan Kambing Boer secara fidlot.
ii. Ternakan Lembu Pedaging.
iii. Ternakan Ikan Tilapia Merah.
iv. Ternakan Burung Unta.
v. Ternakan Ayam Kampung.
vi. Perusahaan Produk Daun Getah.
vii. Tanaman Landskap.

34. RISDA juga akan mempergiatkan semula konsep Satu Kampung Satu Industri (1K1I) di kalangan pekebun kecil. Produk yang akan diberi keutamaan ialah 'Industri Berasaskan Daun Getah' dan makanan ringan. KPLB telah mengenal pasti FELCRA Berhad sebagai badan yang akan menerajui pemasaran produk-produk luar bandar. Produk-produk yang dipasarkan melalui FELCRA termasuk bunga daun getah dan lain-lain akan menggunakan jenama de'sa.

35. Y.B. Menteri juga bersetuju supaya RISDA turut terlibat dalam pemasaran terutama bagi produk-produk yang dihasilkan oleh anak-anak syarikat dan pekebun kecil. Produk ternakan akan dipasarkan di bawah jenama ?Agro Prime?. Pengurusan RISDA masih menimbangkan sama ada akan menggunakan jenama ?UMI? atau nama lain bagi produk makanan ringan yang dihasilkan.

36. RISDA sedang dalam proses menubuhkan sebuah lagi anak syarikat iaitu RISDA Smallholders Farm Product (RSFP) sebagai syarikat yang akan memasarkan hasil-hasil keluaran produk-produk sektor pengeluaran. Untuk sementara waktu, syarikat akan beroperasi sebagai anak syarikat kepada RSPSB dan selepas mantap akan dijadikan anak syarikat kepada RISDA. Syarikat akan mula beroperasi pada 1 Januari 2003.

37. Selaras dengan pandangan KPLB, RISDA akan menaikkan kadar bantuan atau pinjaman kepada pekebun kecil hingga RM20,000 sekeluarga bagi memastikan sumber kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan Projek Ekonomi Tambahan di lapangan.

38. Program latihan khusus dalam bidang-bidang yang berkaitan akan terus diberikan secara terancang demi memastikan pekebun kecil serta pegawai RISDA yang akan menyelia projek berkenaan mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan sebelum boleh memulakan projek-projek yang dipilih.

Peranan Sebagai Integrator.

39. Dalam jangka masa panjang, anak-anak syarikat yang terlibat iaitu RSPSB, RSSB dan ESPEK akan meningkatkan peranan masing-masing menjadi Integrator bagi ternakan kambing boer secara fidlot, ikan tilapia merah, burung unta, lembu pedaging, ayam kampung kacukan dan tanaman landskap dengan membekal input perusahaan kepada pekebun kecil dan membeli balik hasil yang dikeluarkan.

Flagship 3 : Projek Ekonomi Komersial

40. Dalam tahun 2002, hanya projek ekonomi yang dilaksanakan oleh RSPSB telah sampai ke peringkat pengeluaran. Dalam tahun 2003, peranan anak-anak syarikat terlibat iaitu RSPSB, RSSB dan ESPEK akan lebih mencabar kerana permintaan kepada anak baka ternakan dan benih tanaman landskap akan meningkat disamping menyediakan ruang pasaran bagi produk yang dikeluarkan. Anak-anak syarikat berkenaan juga perlu memperluaskan projek di peringkat pengeluaran bagi membantu lebih ramai pekebun kecil dalam kategori daif dan tidak upaya selain membolehkan mereka menjadi pengeluar produk yang ada kuasa tawar menawar dalam pasaran.

41. Formula pemberian dividen kepada peserta-peserta Projek Ekonomi Komersial sedang dikaji semula supaya mampu meliputi lebih ramai pekebun kecil termiskin.

Flagship 4 : Pembangunan Institusi Pekebun Kecil

42. Institusi pekebun kecil yang di bawah kelolaan RISDA termasuklah Koperasi Pekebun Kecil (KPK), Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) dan Kampung Gerakan Desa Wawasan (GDW). Mesyuarat Pihak Berkuasa RISDA kali ke 170 juga telah meluluskan perlantikan Pemaju Masyararat Pekebun Kecil (PMPK). RISDA telah memohon supaya peruntukan pembayaran elaun PMPK dibiayai oleh pihak KPLB dan bukan dari sumber dalaman RISDA.

43. Matlamat pembangunan koperasi 2002 dikekalkan bagi tahun 2003 seperti berikut :-

i. Keahlian KPK secara keseluruhannya meningkat sekurang-kurangnya 8,000 orang.
ii. Ahli KPK yang membayar saham penuh mencapai sekurang-kurangnya 80 %.
iii. Keuntungan bersih meningkat kepada sekurang-kurangnya RM75,000 setahun bagi setiap KPK.
iv. Dividen dibayar sekurang-kurangnya 10 % oleh setiap KPK.

44. Pihak Kerajaan juga mengiktiraf bahawa kumpulan wanita memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan negara. Justeru itu, bilangan PWPK hendaklah ditambah dan mana-mana PWPK yang kurang aktif, tindakan hendaklah diambil bagi mengaktifkan semula kumpulan-kumpulan ini.

Flagship 5 : Pembangunan Ahli Isi Rumah

45. Kolej RISDA sebagai wahana menggunakan 2 pendekatan iaitu melatih ahli isi rumah dalam pelbagai bidang kursus jangka pendek dan memberi pendidikan kepada anak-anak pekebun kecil dalam pelbagai bidang kemahiran agar mereka dapat membantu menyara keluarga mereka.

46. Sejumlah 102 kursus pendek akan dijalankan yang dijangka akan dihadiri oleh 25 ? 30 orang bagi setiap kursus. Jenis-jenis kursus yang akan dijalankan dalam tahun 2003 termasuklah Jati Diri, Bina Insan, Motivasi dan Perubahan Sikap, Literasi Komputer/ICT dan lain-lain.

47. Kolej akan memberi tumpuan kepada penambahan program-program baru yang akan diikuti dengan penambahan bilangan pelajar mengikut program yang ditawarkan. Bilangan pelajar semasa adalah seramai 905 orang dan dengan pengambilan baru dalam tahun 2003 seramai 1,095 orang menjadikan jumlah pelajar semuanya seramai 2,000 orang. Seramai 1,110 pelajar akan menamatkan pengajian di peringkat Sijil dan Pra-Diploma secara berperingkat-peringkat.

48. Strategi utama yang digunakan oleh Kolej RISDA untuk memastikan pelaksanaan Flagship 5 ialah dengan menawarkan program kemahiran yang mempunyai nilai atau permintaan pasaran. Dengan cara ini, generasi kedua anak-anak pekebun kecil yang menamatkan pengajian di Kolej RISDA sekurang-kurangnya di peringkat sijil akan mudah mendapat pekerjaan atau berusaha sendiri untuk membantu menyara keluarga.

Program Wang Amanah KPLB

49. Setakat 31 Oktober 2002, RISDA masih mempunyai baki Wang Amanah KPLB berjumlah RM60,583,309 yang diterima dalam tempoh 1999 ? 2002 bagi melaksanakan pelbagai program bagi pihak KPLB. Daripada jumlah ini, sebanyak RM23,196,922 adalah di bawah kategori pay-master dan RM37,386,387 sebagai agensi pelaksana. Peruntukan tambahan bagi tahun 2003 akan dipertimbangkan oleh KPLB dalam tahun berkenaan.

Skim Bantuan Kerajaan Persekutuan Kepada Pekebun Kecil Getah Dan Sawit

50. Dari 7 Skim yang dilaksanakan dalam tahun 2001 dan 2002, hanya dua iaitu Skim No. 1 : Bantuan Penggunaan Teknologi LITS Bagi Kebun 4 Hektar Dan Ke Bawah dan Skim No. 5 : Bantuan Aktiviti Pelbagaian Pertanian Luar Bandar yang melibatkan RISDA belum selesai pelaksanaannya di peringkat lapangan. Pelaksanaan Skim No. 1 akan diteruskan berasaskan peruntukan tambahan yang dipohon dari KPLB dengan menumpukan kepada penggunaan RRIMflow, Reactorrim dan Let System. Penggunaan ethepon hanya bagi pokok getah kurang dari 15 tahun. Perhatian utama dalam tahun 2003 adalah memastikan alat-alat yang dibekalkan dipasang di pokok dan dipantau kemajuannya.

51. Bagi permohonan yang telah diluluskan di bawah Skim No. 5 : Bantuan Aktiviti Pelbagaian Pertanian Luar Bandar oleh Kementerian Pertanian, hendaklah dipastikan dilaksanakan dengan sebaik mungkin dari segi pembekalan input kepada pengusaha, memberi khidmat nasihat mengenai pengeluaran dan membantu pengumpulan & pemasaran produk supaya projek-projek ini benar-benar bermanfaat kepada pengusaha, disamping menjaga imej RISDA.

Program Dana Khas Negeri Terengganu

52. RISDA tidak diberi peruntukan Wang Ehsan Terengganu dalam tahun 2002, sebaliknya hanya meneruskan projek-projek yang berasaskan peruntukan yang diperoleh dalam tahun 2001 iaitu PPG dan Ternakan Ikan Pen Culture di Laguna Setiu. Bagi tahun 2003, istilah wang ehsan telah ditukar menjadi Program Dana Khas Negeri Terengganu.

53. Berikutan dengan pandangan oleh Pejabat Peguam Negara bahawa KETENGAH tidak boleh beroperasi di luar kawasannya, maka KPLB telah memutuskan bahawa RISDA merupakan salah sebuah agensi Kementerian yang akan melaksanakan Program Dana Khas di luar kawasan KETENGAH. Dua (2) program yang akan melibatkan RISDA ialah :-

i. Program Bantuan Rumah (PBR)

   Program ini merangkumi baik pulih rumah sebanyak 140 unit setiap DUN dengan kos maksimum RM5,190/unit dan pembinaan baru sebanyak 10 unit setiap DUN dengan kos penyediaan tapak RM2,500/unit dan kos pembinaan RM10,370/unit. Tapak rumah bagi pembinaan baru adalah urusan JKKK dan penerima bantuan.

ii. Program Tambahan Makanan Seimbang (PTMS)

RISDA adalah salah sebuah agensi yang akan melaksanakan program ini di luar kawasan KETENGAH. Pelaksanaannya adalah berasaskan kawasan Parlimen dan RISDA dipertanggungjawabkan di kawasan Parlimen Besut dan Setiu.

Cadangan Penubuhan Yayasan RISDA

54. Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil (TPSEPK) akan terus berperanan sebagai sumber pinjaman bagi pekebun kecil, KPK dan anak-anak syarikat menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi. Manual Tabung sedang diubahsuai bagi memudahkan anak-anak syarikat membuat pinjaman bagi melaksanakan projek ekonomi komersial untuk membantu pekebun kecil daif.

55. Kertas kerja bertajuk "Cadangan Penubuhan Yayasan RISDA" akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa pada awal 2003. Penubuhan Yayasan ini bertujuan memantapkan pelaksanaan program-program berasaskan 5 Flagship yang digariskan oleh RISDA untuk meningkatkan taraf hidup pekebun kecil. Penubuhannya membolehkan anak-anak syarikat RISDA dan sektor swasta menyalurkan sumbangan kewangan dan memperoleh pelepasan cukai korporat. Secara tidak langsung pekebun kecil dan syarikat yang memberi sumbangan akan mendapat manfaat dari penubuhan Yayasan. Penubuhan Yayasan RISDA ini adalah mengikut peruntukan seksyen 6 (2) (c) Akta RISDA 1972 tertakluk kepada kelulusan Y.B. Menteri KPLB atas persetujuan Menteri Kewangan. Sekiranya diluluskan, Yayasan RISDA akan beroperasi mengikut peruntukan seksyen 24 Akta Syarikat 1965 iaitu sebuah syarikat yang ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan aktiviti sosial sahaja. Pada masa yang sama tugas serta fungsi TPSEPK akan diserapkan ke dalam badan baru ini apabila penubuhannya diluluskan kelak.

Pembangunan Manusia Dan Institusi

56. Bidang tumpuan bagi Pembangunan Manusia dan Institusi/Khidmat Pengembangan dalam tahun 2003 adalah sama seperti tahun sebelumnya iaitu :-

Flagship	% Tumpuan
Pembangunan Tanam Semula dan Perladangan	30
Pembangunan Ekonomi Tambahan Pembangunan	30
Ekonomi Komersial	5

Pembangunan Institusi Pekebun Kecil	10
Pembangunan Ahli Isi Rumah	25

57. Bagi mengesan impek pelaksanaan Program Tanam Semula dan Perladangan, pemantauan yang rapi adalah amat penting di peringkat lapangan. Dalam Amanat Pengurusan 2002, sistem pemantauan teknologi telah dihuraikan tetapi pelaksanaannya kurang memuaskan. Oleh itu, perkara ini akan diulangi pada kali ini supaya ia dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna dalam tahun 2003. Bagi peringkat getah muda, setiap pegawai luar dikehendaki memilih tiga (3) bidang kebun sebagai sampel dan memantau kebun-kebun ini dari mula ditanam hingga mengeluarkan hasil (matlamat 4 ? tahun). Bagi kebun getah matang, setiap pegawai luar dikehendaki memilih tiga (3) bidang kebun sebagai sampel iaitu dua (2) sampel untuk pemantauan produktiviti (1,500 kg/ha/tahun) dan satu (1) sampel untuk pemantauan LITS.

Pemulangan Wang SES Estet

58. Pemulangan wang ses kepada estet peserta Skim Rancangan Perusahaan Getah (Penanaman Semula) Bagi Estet-Estet 1974 semakin berkurangan dari setahun ke setahun akibat peralihan kepada tanaman sawit dan kegunaan lain serta terdapatnya estet-estet yang tidak lagi beroperasi. Sejumlah RM9.00 juta telah diperuntukkan dalam tahun 2003 bagi menampung tuntutan pengeluaran getah 289 buah estet peserta yang masih aktif.

Pentadbiran Dan Sumber Manusia

59. Dengan terlaksananya SSM, semua staf yang memenuhi syarat akan berpeluang menduduki peperiksaan atau kursus penilaian tahap kecekapan ini. Dalam tempoh yang terdekat, RISDA akan menubuhkan Lembaga Penilaian Kompetensi, Panel Penilaian Peperiksaan dan Panel Penilaian Kursus serta melantik penyedia-penyedia soalan peperiksaan di kalangan pegawai bagi menjayakan Penilaian Tahap Kecekapan. RISDA juga akan menubuhkan Panel Pembangunan Sumber Manusia bagi menggantikan Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji.

60. Dengan terlaksananya SSM maka Penyusunan Semula Struktur Organisasi RISDA akan terlewat sedikit. Pihak JPA akan membuatconversion jawatan daripada SSB kepada SSM

terlebih dahulu. Semua agensi dikehendaki membuat cadangan penggredan semula jawatan selewat-lewatnya pada 31 Mac 2003. Selepas itu barulah penyusunan semula struktur organisasi RISDA akan ditimbangkan oleh JPA.

61. Mengambil kira jawatan yang telah diisi sebanyak 212 Pembantu Pertanian dan 13 jawatan Perkhidmatan Kejuruteraan maka bilangan kekosongan jawatan pada awal 2003 ialah 878 jawatan. Tahun 2003 akan menyaksikan persaraan ramai pegawai dan staf termasuk jawatan JUSA, Gred 1, Gred 2 dan dengan kekosongan jawatan Gred Lantikan yang biasanya memakan masa yang lama kerana perlu mendapat kelulusan JPA dan Perbendaharaan, pertukaran tidak dapat dielakkan bagi menyeimbangkan kedudukan sumber manusia di semua PT dan anak syarikat.

62. Latihan merupakan salah satu tools bagi memperkecilkan jurang perbezaan pada menjalankan tugas harian dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. SSM menekankan kepada tahap kecekapan dalam menjalankan tugas dan oleh itu peranan BPSM amat penting bagi membantu meningkatkan tahap kecekapan melalui program latihan. Tidak kurang pentingnya ialah melatih kumpulan pelapis kerana ramai di kalangan pengurusan atasan akan bersara dalam tempoh 2003-2005.

Program Kualiti

63. Sistem pengurusan kualiti MS ISO 9002 : 1994 yang diimplemenkan di PT tertentu akan diperkukuhkan dengan versi MS ISO 9001 : 2000. Versi ini lebih tersusun serta banyak memfokuskan kepada kepuasan pelanggan.

64. Penyediaan Panduan Pelanggan akan diperluaskan dan langkah awal dimulakan dengan menyediakan Panduan Pelanggan bagi Permohonan Tanam Semula. Ini adalah salah satu usaha memudahkan para pelanggan untuk berurusan dengan RISDA. Termasuk dalam bidang ini ialah pengemaskinian Manual Prosedur Kerja (MPK).

65. Program-program sedia ada seperti pertandingan inovasi dan konvensyen KMK akan diperkukuhkan di semua PT bagi menggalakkan daya inovasi dan kreativiti di kalangan staf. Pengurusan RISDA amat menyanjungi usaha-usaha yang dijalankan oleh pegawai dan staf bagi meningkatkan imej RISDA. Kejayaan memperoleh sijil bersih dalam pengurusan kewangan sebanyak 6 kali mulai 1995 hingga 2001 telah mendorong RISDA mengkaji dan meneliti mencalunkan diri memasuki Anugerah Kualiti Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan. Disamping itu, beberapa buah PRD juga telah dikenal pasti untuk dicalunkan memasuki Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam.

Program Pengkomputeran

66. Program Pengkomputeran akan dijalankan mengikut Pelan Perancangan Strategik Teknologi Maklumat yang telah dikemukakan kepada MAMPU. Pelan tersebut menggariskan aktiviti utama program pengkomputeran RISDA dari aspek pembangunan sistem maklumat, peningkatan infostruktur, perolehan dan penyenggaraan perkakasan dan perisian, pengurusan projek dan keselamatan ICT.

67. Pembangunan sistem maklumat ditumpukan kepada 5 flagship dalam Model Bisnes Strategik RISDA bagi memastikan pelaksanaan projek dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan dan dipantau kemajuannya dari semasa ke semasa. Pejabat RISDA Negeri diberi tanggungjawab untuk memproses data bagi PT di bawah kawalannya untuk mengeluarkan laporan statistik tanam semula. Konsep pemprosesan teragih ini membolehkan PT memberi tumpuan kepada pelaksanaan operasi harian dalam memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pekebun kecil.

68. SMB yang telah ditingkatkan kepada pangkalan data MS-Access 2000 dan bahasa pengaturcaraan Visual Basic 6.0 juga akan dilaksanakan pada awal 2003. Pelaksanaan SMB versi baru ini dijangka akan dapat meningkatkan prestasi capaian sistem dan keselamatan data. Sistem inventori versi baru yang berasaskan Windows juga akan mula dilaksanakan pada awal 2003 bagi menggantikan versi lama yang berasaskan pengoperasi Dos.

69. Infostruktur ICT akan dipertingkatkan lagi terutamanya bagi menghubungkan semua PT dengan Ibu Pejabat menerusi rangkaian komunikasi data yang menyeluruh dan bersepadu menggunakan teknologi “Virtual Private Network”. Komputer pelayan di PT yang menunjukkan prestasi rendah akan digantikan dengan komputer pelayan yang berkeupayaan lebih tinggi bagi memastikan pelaksanaan SMB berjalan dengan lancar.

70. Bagi meningkatkan lagi keberkesanan ICT serta menerapkan sepenuhnya budaya ICT di RISDA, tumpuan diberi untuk membangunkan Sistem Maklumat Eksekutif bagi memperluaskan lagi penggunaan komputer di peringkat pengurusan pertengahan dan atasan dalam merancang dan mengurus projek-projek yang diceburi oleh RISDA. Pelaksanaan aplikasi utama di bawah projek Kerajaan Elektronik akan diteruskan seperti PMS II, e-perolehan dan HRMIS mengikut perancangan yang dibuat oleh Agensi Pusat.

Sistem Maklumat Pekebun Kecil (SMPK)

71. Data Banci 2002 telah dijadikan asas bagi Pangkalan Data pekebun kecil getah dan sawit. Pangkalan data ini sedia untuk digunakan dan boleh menjana maklumat yang diperlukan tentang pekebun kecil yang dibanci. Maklumat-maklumat ini sangat diperlukan untuk merancang pembangunan pekebun kecil dan disediakan secara mesra pengguna di mana

setiap pengguna boleh menjana maklumat secara sendiri mengikut keperluan masing-masing. Maklumat boleh dikeluarkan secara perangkaan, senarai atau pun maklumat individu dan boleh dijana mengikut kawasan seperti Negeri, Daerah, Parlimen dan DUN.

72. Pangkalan data ini akan dipasang di komputer PT pada awal 2003. Latihan tentang penggunaannya akan diberi kepada pegawai dan staf di PT dan stesen jika perlu. Pengurusan RISDA berharap semua pegawai dan staf dapat memanfaatkan pangkalan data ini supaya RISDA dapat mensasarkan aktivitinya kepada kumpulan sasar yang tepat.

73. RISDA sedang mewujudkan Sistem Maklumat Pekebun Kecil (SMPK) di mana data yang ada akan dikemas kini dari semasa ke semasa. Pekebun kecil yang tidak dikesan semasa banci akan dimasukkan maklumatnya apabila mereka melibatkan diri dalam aktiviti RISDA. SMPK akan dijadikan sistem untuk mendapat maklumat pekebun kecil. Oleh itu, ia akan digabungkan dengan sistem-sistem yang ada di RISDA. Setiap aktiviti pekebun kecil akan dimasukkan maklumatnya dalam SMPK. Sistem ini dijangka akan siap pembinaan dan boleh digunakan dalam bulan Julai 2003.

Laman Web

74. RISDA boleh dikenali melalui laman webnya iaitu http://www.risda.gov.my. Selaras dengan saranan Kerajaan supaya agensi Kerajaan beroperasi secara elektronik, laman web RISDA telah disediakan mengikut kehendak tersebut. RISDA telah melantik web master yang akan mengemas kini maklumat dan akan mengesan setiap soalan dan aduan yang diutarakan di dalam web RISDA dan menyalurkan kepada pegawai berkaitan untuk dijawab. Hebahan secara meluas tentang laman web RISDA perlu dibuat supaya pekebun kecil dan masyarakat umum akan merasa lebih dekat dengan RISDA dan mudah untuk meluahkan masalah dengan cepat dan boleh menerima jawapan secara segera.

75. RISDA juga telah mengadakan e-mel untuk Bahagian-Bahagian dan pegawai-pegawai kanan di Ibu Pejabat untuk mempermudahkan arahan dikeluarkan dan PT pula boleh mendapat maklumat segera dan seterusnya dapat menghantar laporan dan maklumat penting dengan segera. Oleh itu, penggunaan e-mel akan dipertingkatkan dan perlu dimanfaat oleh semua pihak. Disamping itu, RISDA juga sedang merangka untuk mewujudkan borang-borang perlu di dalam webnya di mana permohonan-permohonan boleh dibuat secara on-line di masa hadapan.

Pemantauan

76. Proses pemantauan dan penilaian adalah salah satu aspek terpenting dalam perancangan dan pelaksanaan projek. Pengalaman lepas menunjukkan pelaksanaan program/projek adalah memuaskan tetapi RISDA sering terperangkap dengan sistem laporan yang tidak kemas kini. Selain dari laporan berkaitan program/projek di bawah RMKe-8, RISDA juga melaksanakan program pembangunan menggunakan Wang Amanah KPLB dan Dana Khas Negeri Terengganu. Oleh itu, semua pihak hendaklah memberikan perhatian yang serius terhadap isu pelaporan mengikut jangka masa yang ditetapkan supaya pelaporan RISDA kepada KPLB dan Kerajaan sentiasa kemas kini dan menggambarkan situasi sebenar pelaksanaan di lapangan.

Projek Monitoring System II

77. Prestasi kemasukan data 2002 ke dalam sistem di tahap yang memuaskan walau pun masalah dial-upmasih berlaku di kebanyakan tempat. Sebagai langkah untuk memantapkan lagi proses kemasukan data dalam tahun 2003, beberapa tindakan akan diambil, di antaranya latihan secara hands-on di PT dan proses kemasukan data dilaksanakan di peringkat Pejabat RISDA Negeri. Pemantauan di lapangan juga akan dilakukan dengan kerjasama pihak KPLB dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Pembangunan Korporat

78. Prestasi pembangunan korporat RISDA telah menggambarkan kemajuan pada tahun 2002 di mana secara keseluruhannya mencatat keuntungan dua kali ganda dari tahun sebelumnya. Peningkatan ini dibantu oleh harga getah dan sawit yang lebih tinggi disamping kemampuan ALP dan kecekapan pengurusan menguruskan perniagaan.

79. Bagi tahun 2003, Syarikat-Syarikat RISDA secara kumpulan membajetkan pertumbuhan keuntungan sebelum cukai sebanyak 15 %. Ini adalah selaras dengan Bajet Negara 2003 yang memberi gambaran bahawa pertumbuhan ekonomi negara akan dipacu oleh permintaan domestik dan swasta, terutamanya dalam bidang perladangan, pengangkutan, pendidikan dan kesihatan.

80. Mulai tahun 2003, penglibatan pekebun kecil dalam aktiviti syarikat akan dipertingkatkan. Ini adalah selaras dengan hasrat Y.B. Menteri yang mahukan semua syarikat di bawah agensinya memainkan peranan yang lebih bagi membantu meningkatkan ekonomi kumpulan sasar.

81. Dalam pada itu, bagi memastikan syarikat-syarikat terus berdaya maju, ALP dan Pengurusan Syarikat digesa mengamalkan Corporate Governance yang baik. Pengurus Besar juga diharap dapat menjadikan corporate disclosure best practices sebagai sebahagian daripada budaya syarikat. Selaras dengan hasrat untuk memastikan amalan Corporate Governance dan ketelusan, Unit Pembangunan Korporat akan diberi tanggungjawab yang lebih khusus iaitu memantau dan menyelaras perkembangan, isu dan masalah aktiviti-aktiviti setiap anak syarikat. Lebih ramai pegawai akan ditempatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan keberkesanan pemantauan terhadap syarikat-syarikat RISDA.

82. Selain daripada itu, Syarikat-Syarikat diharap dapat mempertingkatkan usaha memberi perkhidmatan dan bekalan yang berkualiti kepada pelanggan. Kepuasan pelanggan merupakan faktor penting dalam memastikan aktiviti perniagaan syarikat terus kekal dan berkembang. Usaha untuk mendapatkan Sijil Pengiktirafan Kualiti, iaitu ISO 9000 yang diperoleh KKSR dan PRB perlu dicontohi oleh syarikat-syarikat lain.

83. Bersesuaian dengan Corporate Governance, semua wakil RISDA dalam ALP Syarikat dikehendaki bersifat kritikal serta bertanggungjawab kepada perkembangan dan kemajuan syarikat. Ini bersesuaian dengan fungsi dan tanggungjawab yang digariskan dan dikehendaki oleh Undang-Undang. Hanya dengan cara ini syarikat akan memperoleh guidance yang jelas mengenai prospek dan arah tuju yang akan dipandu oleh Pengurus Besar.

RISDA Smallholders Plantation Sdn. Bhd. (RSPSB)

84. Matlamat utama RSPSB ialah untuk menjadi sebuah anak syarikat RISDA yang unggul dalam pengurusan kebun milik pekebun kecil di negara ini. Sehubungan dengan itu, ALP dan pengurusan syarikat disaran berusaha meningkatkan tahap kecekapan pengurusan syarikat dan pelaksanaan projek supaya setanding dengan syarikat swasta dan sentiasa berdaya saing.

85. Aktiviti perniagaan akan ditumpukan kepada pembangunan ladang dan perniagaan tani. Projek-projek baru di bawah pembangunan ladang termasuklah pembangunan TSK di kawasan Orang Asli, TSK jangka pendek yang akan ditanam dengan getah dan Pengurusan Kawasan Matang.

86. Bagi bidang perniagaan tani, RSPSB adalah wahana utama bagi melaksanakan keempat-empat sektor iaitu pembekalan input, pengeluaran produk, pengumpulan & pemasaran dan pemprosesan. Dalam tahun 2003, Syarikat hendaklah membesarkan Pusat-Pusat Pembakaan dan Pembiakan bagi kambing boer dan Pusat Asuhan Benih Ikan disamping membangunkan Pusat Pembiakbakaan Ayam Kampung. Ternakan kambing dan ikan perlu dikembangkan untuk penglibatan pekebun kecil. Syarikat juga dikehendaki menjalankan

industri pengeluaran makanan untuk ternakan dan akuakultur dan memperkemaskan saluran pasaran seperti S'MART, Pusat Penyembelihan dan kilang memproses produk nilai tambah.

Estet Pekebun Kecil Sdn. Bhd. (ESPEK)

87. Peranan utama ESPEK ialah menguruskan ladang-ladang milik RISDA dan swasta secara paling cekap dan menguntungkan. Pengurusan ESPEK perlu sentiasa mencari jalan supaya produktiviti ladang dan kecekapan pekerja dapat ditingkatkan serta kos dikawal di tahap minimum.

88. Selaras dengan ini, program mekanisasi ladang hendaklah diberi tumpuan dan diharap pelaksanaan di semua kawasan rata ladang RISDA dapat dilakukan sepenuhnya pada tahun 2003. Program mekanisasi ladang yang dilaksanakan oleh ESPEK telah berjaya mengurangkan kos sebanyak 40 %.

89. Dalam masa yang sama, ESPEK digesa memesatkan tawaran perkhidmatan nasihat agronomi termasuk analisis daun dan tanah; pengesyoran baja dan kajian feasibiliti. ESPEK juga seharusnya memasarkan produk barunya iaitu Khidmat Pemetaan GPS (Global Positioning System) kepada ladang swasta memandangkan harga komoditi telah meningkat.

90. ESPEK juga telah memperluaskan aktiviti melalui anak syarikatnya, ESPEK Livestock Sdn. Bhd. di PERDA. Pengurusan Projek Fidlot PERDA di Tasek Gelugor, Pulau Pinang menunjukkan kepercayaan Y.B. Menteri Pembangunan Luar Bandar kepada RISDA dan ESPEK. Oleh itu projek ini perlu diberi tumpuan kerana ia akan menjadi perhatian umum. Akaun Fidlot perlu diasingkan dari Akaun ESPEK Livestock Sdn. Bhd. walau pun ia diletak di bawah satu pengurusan.

Kumpulan Kilang Sawit RISDA Sdn. Bhd. (KKSR)

91. Berasaskan situasi semasa, KKSR menghadapi cabaran membuktikan ketahanan dan daya maju dengan memanfaatkan segala sumber yang ada dalam syarikat bagi memperkukuhkan pengurusan kilang-kilang dan mempertingkatkan prestasinya.

92. Aktiviti belian BTS perlu dipertingkatkan supaya lebih cekap dan kompetitif dalam arena pasaran yang semakin sengit berikutan wujudnya kilang-kilang komersial baru yang besar dan keupayaan yang tinggi. Justeru itu, Pengurusan KKSR perlu mengatur strategi bagi mendapatkan BTS yang mencukupi dan bermutu supaya dapat memenuhi throughput kilang dan kos memproses dapat dikurangkan setanding dengan kilang komersial yang lain.

93. Dalam masa yang sama, Pengurus-Pengurus Kilang perlu meningkatkan kecekapan memproses BTS supaya kadar perahan minyak dan isirong yang diperoleh sejajar dengan norma industri. Kos penyenggaraan dan operasi kilang perlu dikawal bagi memastikan kilang beroperasi dalan keadaan menguntungkan.

94. Pengurus Pemasaran hendaklah memastikan MSM dan isirong yang diurus niaga mendapat harga jualan setanding atau lebih daripada harga purata MPOB. Oleh yang demikian semua pengurus perlu berganding bahu bagi menentukan pengurusan kilang berdaya maju dan mampu bersaing dengan kilang swasta yang lain.

Smallholders Development Corporation Sdn. Bhd. (SHDC)

95. Berikutan dengan percantuman dan perpindahan aktiviti pengangkutan dengan NARSCO Transport, SHDC perlu menilai dan merancang semula strategi operasi dengan meningkatkan penglibatan dalam kerja-kerja sebagai kontraktor pembinaan bagi projek RISDA dan di pasaran luar. SHDC juga hendaklah meneruskan dan meningkatkan aktiviti perniagaan dalam bidang pengurusan harta.

96. Volumeurus niaga dengan RISDA dan anak syarikat hendaklah ditingkatkan dengan mendapatkan peluang-peluang perniagaan melalui jalinan hubungan yang baik dengan pelanggan. Disamping itu, SHDC perlu bekerjasama dengan syarikat-syarikat luar yang mempunyai kekuatan pasaran, di antaranya mengikat perjanjian dengan pemegang Sijil PKK bagi mendapatkan peluang-peluang perniagaan.

RISDA Semaian & Landskap Sdn. Bhd.

97. Bagi memastikan RSSB terus berdaya saing, syarikat perlu meneruskan tumpuan aktiviti dalam enam (6) bidang perniagaan iaitu:-

i. Semaian benih getah dan sawit;
ii. Pengeluaran biji cambah sawit;
iii. Semaian hortikultur dan landskap;
iv. Pengurusan kontrak (landskap dan sivil);
v. Pembakaan ikan makan dan hiasan; dan
vi. Pengurusan Ladang Biji Benih RISDA milik Skim 1959.

98. Dalam tahun 2003, sebanyak 6.4 juta benih getah dan 4.7 juta benih sawit perlu disediakan untuk kegunaan dalaman RISDA, RSPSB dan ESPEK serta pasaran luar. Dalam

hal ini RSSB perlu melibatkan KPK dalam penyediaan sebahagian daripada benih getah dan sawit tersebut.

99. Pusat Jualan Semaian dan Landskap yang telah ditubuhkan pada tahun 2002 iaitu di Kg. Awah, Pahang; Gading Galoh, Kelantan; Batu 17, Terengganu dan Ipoh, Perak telah berjaya menjadi saluran pemasaran bagi produk RSSB. Dalam tahun 2003, lebih banyak Pusat Jualan perlu ditubuhkan khususnya di Bangi, Selangor; Butterworth, P. Pinang; Pokok Sena, Kedah; Segamat, Johor dan Alor Gajah, Melaka.

Permodalan RISDA Berhad (PRB)

100. Berasaskan keadaan ekonomi makro negara yang kukuh dengan dibantu oleh sektor korporat yang berdaya maju, Indeks Komposit BSKL bagi tahun 2003 dijangka akan didagangkan dalam lingkungan 850-900 mata. Selain itu, ekonomi global yang bertambah baik dan dijangka akan mencatatkan pertumbuhan 3.7 % akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi tempatan.

101. Oleh itu PRB perlu mengukuhkan aktiviti perkhidmatan pengurusan dana dan pengurusan pembiayaannya bagi merebut peluang tersebut.

102. Bagi memastikan PRB terus mantap, dinamik dan berwibawa dalam menguruskan aktiviti perniagaannya, program pengkomputeran sepenuhnya perlu dilaksanakan bagi urusan dan pentadbiran dana, pengurusan pembiayaan dan perakaunan.

103. RISDA akan memastikan dana yang berlebihan disalurkan kepada PRB untuk tujuan pelaburan jangka pendek dan jangka panjang, mengikut kehendak pemilik dana.

Protac Insurance Brokers Sdn. Bhd. (PROTAC)

104. PROTAC perlu mengembangkan operasinya secara lebih meluas sejajar dengan arahan daripada Bank Negara Malaysia supaya Syarikat Brokers meningkatkan produk Life Insurance dalam tahun 2003.

105. Untuk itu, Pengurusan PROTAC perlu melatih staf sedia ada dan menyuntik tenaga kerja berpengalaman daripada Industri Broker Insurans yang mempunyai networking yang luas ke dalam syarikat bagi memperoleh beberapa business baru mega.

106. PROTAC juga seharusnya meningkatkan pelanggan baru iaitu dengan menggerakkan secara efektif jentera pemasaran serta mencari rakan niaga yang boleh memberi sinergi kepada perkembangan urus niaga sejajar dengan senario hanya firma yang besar dan kuat boleh terus hidup dalam menempuh proses globalisasi.

RISDA Wood Sdn. Bhd. (RWSB)

107. Visi RWSB adalah untuk menjadi sebuah syarikat kayu getah yang terkemuka di negara ini. Oleh itu pengurusan syarikat perlu meningkatkan efisiensi bukan sahaja dalam bidang trading kayu malah dalam bidang lain seperti PT/KD, pembuatan dan pengeksportan perabot.

108. Aktiviti konsesi dan pengeluaran kayu RWSB perlu disasarkan bukan sahaja di kawasan tanam semula di bawah RISDA tetapi juga meliputi kawasan FELDA, FELCRA, KESEDAR dan ladang-ladang swasta. Kecekapan RWSB perlu ditingkatkan supaya dapat menawarkan harga kayu yang setanding dengan syarikat lain.

109. RWSB perlu meningkatkan usaha memproses sendiri kayu PT/KD bagi mendapatkan nilai tambah dalam perniagaan kayu getah.

110. RWSB juga hendaklah memberi tumpuan kepada aktiviti pembuatan di kilang perabotnya di Kuala Ketil, Kedah. Pengurusan syarikat perlu membuktikan aktiviti ini akan menjadi aktiviti yang berdaya maju dan seterusnya menyumbangkan kepada keuntungan syarikat dalam tahun 2003.

Kolej RISDA Sdn. Bhd. (KRIS)

111. Kolej RISDA akan memberi tumpuan terhadap peningkatan aktiviti IPTS supaya pencapaian tahap pembangunan dan kemajuan berkembang sekali ganda daripada tahun 2002. Pembangunan yang diunjurkan adalah selaras dengan sasaran peningkatan bilangan pelajar kepada 2,000 orang. Kolej Melaka akan mempunyai 600 pelajar, Kolej Pahang dan Kelantan masing-masing mempunyai 500 pelajar sementara Kolej Perak seramai 400 pelajar.

112. Selaras dengan hasrat untuk meningkatkan pengambilan pelajar ini, Kolej RISDA perlu :

i. Menambah dan mempelbagaikan program akademik dan kemahiran;
ii. Menambah dan memperelok segala kemudahan pembelajaran, pengajaran, penginapan dan riadah; dan
iii. Menggunakan sebaiknya jaringan dalaman RISDA dalam usaha mendapatkan seramainya pelajar daripada kalangan pekebun kecil dan rakyat termiskin.

113. RISDA akan terus menyediakan kemudahan pinjaman melalui Tabung Amanah Pembangunan Pendidikan, khas untuk anak-anak pekebun kecil. Pembiayaan berbentuk geran juga disediakan bagi membantu anak-anak pekebun kecil miskin mendapat pendidikan terutamanya dalam bidang kemahiran. Selain itu, Kolej RISDA juga mengurus dan membantu pelajar mendapatkan pembiayaan dari badan-badan seperti PTPTN, Tabung MLVK, MARA,

Yayasan Pelajaran, Pihak Swasta dan agensi-agensi yang menyediakan kemudahan kewangan untuk pendidikan.

RISDA FLEET SDN. BHD

114. RISDA Fleet adalah merupakan syarikat usaha sama di antara SHDC dan NARSCO yang baru ditubuhkan dan mula beroperasi pada tahun 2003. Perniagaan teras syarikat ini adalah pengangkutan, khususnya di bidang :-

i. Aktiviti Kargo Rigid.
ii. Aktiviti Kargo Am.
iii. Aktiviti Tanker.
iv. Aktiviti Bengkel.
v. Aktiviti Perkapalan/Forwarding

115. Bagi meningkatkan efisiensi perniagaannya, pengurusan syarikat perlu mengambil langkah untuk meningkatkan volume kargo yang diuruskan. Selain dari itu, usaha hendaklah dilakukan bagi menggantikan lori-lori yang telah usang.

Unjuran Prestasi Perniagaan Tahun 2003

116. Anak-anak syarikat dan NARSCO dijangka akan terus berkembang dalam tahun 2003 dengan dibantu oleh kemantapan ekonomi negara dan paras harga komoditi yang diunjurkan terus kukuh terutamanya sawit. Keuntungan sebelum cukai yang diunjurkan adalah seperti berikut :-

Syarikat	RM (Juta)
RSPSB	3.50
ESPEK	2.44
KKSR	1.10
SHDC	0.54
RSSB	2.94
SHDC	1.87
RSSB	0.30
PROTAC	2.64
RWSB	2.87

KRIS RISDA FLEET	1.34
JUMLAH	**19.54**

117. Harapan RISDA ialah supaya pada akhir tahun 2003, semua anak syarikat dapat mencatatkan prestasi yang lebih baik berbanding dengan tahun lepas. Harapan ini akan menjadi kenyataan sekiranya semua pihak bekerjasama memberi sokongan dan bantuan serta memainkan peranan yang berkesan.

Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad

118. NARSCO masih lagi berhadapan dengan masalah kewangan serta bebanan hutang yang tinggi. Pelbagai langkah telah dilaksanakan termasuk penstrukturan semula aktiviti yang diselesaikan pada bulan Julai 2002 dengan meletakkan semua aktiviti anak syarikat ke bawah NARSCO (Koperasi). Bagi tahun kewangan 2002, NARSCO menjangka akan memperoleh keuntungan yang kecil kerana masih memperuntukkan hutang ragu seperti tahun sebelumnya. Di antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil termasuklah :-

i. Penstrukturan semula adalah salah satu langkah penjimatan di samping mengelakkan aktiviti yang berisiko tinggi serta yang memerlukan perbelanjaan besar. NARSCO masih memfokuskan kepada menyelesai dan mengutip hutang yang tertunggak dengan pihak luar dan anak syarikat RISDA dalam tahun 2003. Dengan persetujuan ALP, NARSCO telah dan akan melaksanakan pengecilan aktiviti dengan menutup operasi anak syarikat dan kilang yang rugi.

ii. Sumber teras NARSCO adalah Bahagian Perniagaan Am (NARSCO Trading & Supplies) dan merupakan penyumbang utama. Selain aktiviti sedia ada, NTSB berhasrat mengaktifkan semula pengeluaran racun rumpai berjenama “NARSCO-Sate” dan menceburi bidang ternakan di samping mempelbagaikan pengeluaran industri makanan.

iii. Bahagian Perladangan akan mempelbagaikan aktiviti dengan penambahan projek pengurusan ladang swasta seperti Tabung Haji, aktiviti BKS, perparitan disamping projek yang sedia ada dengan RISDA.

iv. NMTS satu-satunya anak syarikat yang masih beroperasi dalam bidang pelancongan dan insurans akan terus melaksanakan pelancongan “In bound” dan mempergiatkan aktiviti Umrah dan Ziarah yang diurus sendiri.

v. Begitu juga dengan Bahagian ICT yang akan memperluaskan pasarannya seiring dengan era globalisasi.

vi. Bahagian Komoditi pula akan menceburi pemasaran bidang komoditi baru sebagai pengurangan tumpuan kepada komoditi getah semata-mata. Pengurangan ini akan dapat mengelakkan daripada masalah harga getah yang tidak menentu yang boleh menyebabkan kerugian yang besar.

119. Walau pun NARSCO akan mempelbagaikan aktiviti perniagaannya tetapi masih mengharapkan bantuan berupa projek yang disalurkan oleh RISDA dan anak-anak syarikatnya. Sekiranya usaha diteruskan dan bantuan diperoleh dari RISDA, NARSCO berkeyakinan akan pulih sepenuhnya dalam masa lima tahun akan datang.

Inspektorat Dan Audit Dalam

120. Peranan BIAD adalah untuk membantu Pengurusan mengkaji perjalanan organisasi dan pelaksanaan program pembangunan supaya dilaksanakan secara efektif, penggunaan sumber-sumber secara efisien serta mendatangkan hasil selaras dengan objektif yang ditentukan. BIAD juga menilai tahap keupayaan sistem kawalan dalaman bagi mencegah berlaku fenomena negatif yang akan menghalang atau melambatkan kejayaan.

Program Ugama, Kebajikan, Sosial Dan Sukan

121. Selain dari aktiviti rasmi, RISDA juga memberikan perhatian kepada aktiviti-aktiviti berbentuk keugamaan, kebajikan, sosial dan sukan supaya wujud keseimbangan dalam pendekatan pembangunan.

Majlis Badan-Badan Islam RISDA Malaysia (Majlis)

122. Majlis akan terus memberi sumbangan dan bekerjasama bagi menerapkan nilai-nilai Islam yang murni bagi staf RISDA dan anak syarikat. Beberapa program yang diatur termasuklah :-

i. Menganjurkan Konvensyen Badan-Badan Islam RISDA yang memberi tumpuan penghayatan Al-Quran dan As-Sunnah bagi membina individu, keluarga dan masyarakat.

ii. Menyelaras Kursus Hafazan Al-Quran di Ibu Pejabat dan negeri.

iii. Menganjurkan kursus kepemimpinan wanita.

iv. Menganjurkan siri ceramah dan qiamullail setiap 4 bulan di peringkat Ibu Pejabat dan negeri.
v. Meneruskan program Sambutan Hari Kebesaran Islam.
vi. Mengadakan seminar peningkatan kefahaman Islam meliputi dimensi pembangunan akhlak murni, keimanan dan ketakwaan, pembangunan ilmu dan pengukuhan institusi keluarga dan peranan wanita dengan kerjasama Persatuan Islam yang lain.
vii. Meningkatkan kerja amal termasuk pengagihan sumbangan zakat dan bantuan kepada warga tua serta anak yatim.

Majlis Sukan Dan Kebudayaan RISDA

123. Majlis Sukan dan Kebudayaan RISDA akan terus menjalankan aktiviti-aktiviti sukan dan kebudayaan dengan sokongan dari Pihak Pengurusan, anak-anak syarikat, NARSCO dan lain-lain. Peranan aktiviti sukan dan kebudayaan ini adalah untuk menggalakkan aktiviti riadah di kalangan pegawai dan staf dan akan disesuaikan dengan tahap umur yang semakin meningkat di kalangan warga RISDA. Aktiviti yang diatur dalam tahun 2003 termasuklah :-

i. Menganjurkan Hari Keluarga RISDA bagi pihak Pengurusan RISDA dengan menggalakkan semangat kesukarelaan dan gotong royong di kalangan staf di peringkat Ibu Pejabat dan negeri-negeri.
ii. Mengaturkan satu acara baru bagi meningkatkan kesihatan staf dengan mengadakan Larian 13 Tingkat Bangunan RISDA.
iii. Menyertai Sukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (MAKSPEN) yang akan diadakan di Shah Alam, Selangor pada 1-4 Mei 2003.
iv. Tabung Kebajikan Kakitangan RISDA (TKKR)

124. TKKR akan meneruskan peranan membantu kebajikan ahli-ahlinya. Keahlian setakat 31 Oktober 2002 adalah seramai 4,045 orang, terdiri dari staf RISDA dan anak-anak syarikat. Bagi tahun 2002, setakat tempoh yang sama, TKKR telah meluluskan dan membayar Skim Pembiayaan sejumlah RM1,450,568 dan mengeluarkan bantuan berjumlah RM22,080.

Skim Khairat Kakitangan RISDA (SKKR)

125. SKKR merupakan satu lagi skim yang berbentuk kebajikan bagi manfaat ahli-ahlinya. Skim ini mempunyai seramai 6,248 ahli setakat 31 Oktober 2002 yang mana 4,650 adalah dari kalangan staf RISDA dan anak-anak syarikat sementara selebihnya dari kalangan suami/isteri

staf. Skim ini juga terbuka kepada pesara RISDA dan suami/isteri yang berumur kurang dari 65 tahun. Selain manfaat premium, SKKR juga memberi sumbangan khairat kematian bagi ahli dan keluarga terdekat.

Skim Hospital Dan Pembedahan Berkelompok (SHPB)

126. SHPB telah mengalami satu perubahan besar dari segi pelan dan juga caruman bila mana premium yang ditawarkan oleh Syarikat Insuran (tawaran terendah) telah meningkat 155 %. Peningkatan ini tidak dapat dielakkan berikutan kadar tuntutan yang terlalu tinggi sejak Skim ini dilancarkan. Pihak Pengurusan bersetuju menaikkan kadar sumbangan pengurusan dari RM5.00 sebulan kepada RM6.00 sebulan bagi setiap staf. Sejak mula dilaksanakan, SHPB mendahulukan bayaran rawatan perubatan berjumlah RM9,431,005, berbanding bayaran balik yang diterima dari Syarikat Insuran berjumlah RM5,062,317 dan kutipan balik melalui potongan gaji ahli berjumlah hanya RM248,425.

127. Bagi memastikan SHPB dapat terus berfungsi, pemotongan gaji secara intensif perlu dilakukan bagi semua perbezaan tuntutan dengan bayaran balik yang diluluskan oleh pihak insuran. Di samping itu, semua staf yang terlibat hendaklah membantu memastikan semua dokumentasi tuntutan adalah lengkap sebelum dikemukakan kepada pihak Insuran.

Persatuan Suri Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA)

128. PUSPANITA bergerak cergas menggembleng tenaga ahlinya dalam sama-sama menjayakan setiap aktiviti supaya ahli mendapat faedah yang maksimum. Program/aktiviti yang diatur dalam tahun 2003 termasuklah :-

i. Ceramah bulanan oleh tokoh-tokoh profesional, perubatan, ugama dan pendidikan.
ii. Mengadakan lawatan sambil belajar dalam dan ke luar negeri dan kilang-kilang.
iii. Menganjurkan bengkel pelajar smart (persediaan peperiksaan), bengkel matematik dan kelas Bahasa Inggeris.
iv. Meneruskan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang.
v. Mengadakan Kursus Umrah/Haji.
vi. Menganjurkan kelas kemahiran kraft tangan, masakan dan jahitan.
vii. Menganjurkan kursus penampilan diri.
viii. Menganjurkan kelas kaunseling untuk remaja/isteri.

Arah Tuju Pembangunan Pekebun Kecil Di Masa Hadapan

129. RISDA sebenar telah sampai ke persimpangan jalan ! Isu pengkorporatan dan penswastaan buat masa ini telah berada di belakang kita. Tetapi kini kita menghadapi masalah membuktikan kepada Kerajaan bahawa kita masih memainkan peranan yang penting bagi membangunkan pekebun kecil getah di negara ini. Di samping itu, kita juga berusaha meyakinkan Kerajaan bahawa kita adalah agensi yang paling layak menguruskan bukan sahaja tanaman getah tetapi juga tanaman sawit.

130. Seperti mana dinyatakan sebelum ini bahawa Kerajaan menerima hakikat bahawa penanaman semula getah mestilah dilaksanakan secara berkumpulan atau berintegrasi dengan aktiviti ekonomi lain. RISDA sendiri menerima hakikat bahawa pelaksanaan aktiviti-aktiviti ekonomi tambahan dan komersial seperti ternakan kambing boer, ikan tilapia, lembu pedaging dan lain-lain bukanlah perkara yang mudah tetapi memerlukan kemahiran dan komitmen yang tinggi di kalangan semua lapisan pegawai dan staf RISDA dan anak-anak syarikat.

131. Y.B. Menteri sendiri berpandangan bahawa RISDA perlu memperluaskan skop tugas dan tanggungjawabnya meliputi bukan sahaja getah dan sawit tetapi harus meneroka melintasi getah dan sawit (beyond rubber and oil palm) dalam bidang baru termasuk pembangunan luar bandar. Inilah arah tuju yang akan dilalui di masa hadapan.

Selamat bertugas, terima kasih
Ibu Pejabat RISDA.
Kuala Lumpur.
16 Disember 2002.